

'Sikap pandang rendah golongan kolar biru sudah ketinggalan zaman'

U.M. 13 AUG 1991

KUALA LUMPUR 12 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, masyarakat hendaklah mengikis sebarang tanggapan negatif ke atas para pekerja kolar biru di negara ini.

Menurut beliau, sikap memandang rendah terhadap golongan kolar biru sudah ketinggalan zaman dan tidak sesuai dengan sumbangan yang telah golongan ini berikan kepada pertumbuhan industri negara.

Katanya, satu cara yang sesuai untuk mengikis tanggapan ini ialah dengan memberi upah yang lebih baik kepada para pekerja kolar biru.

"Hanya pihak pengurusan sahaja yang harus diberi penilaian yang lebih tinggi daripada pekerja kolar biru.

"Jika penghargaan ini dibuktikan, bekalan pekerja kolar biru akan bertambah dan kemahiran mereka juga akan meningkat," tegas beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap di Majlis Penyampaian Anugerah 'Tangan Emas' Pertandingan Johan Kemahiran Kebangsaan 1991 di Pusat Latihan Mengajar dan Kemahiran Lanjutan di sini hari ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, matlamat Malaysia untuk menjadi sebuah negara perindustrian banyak bergantung kepada kejayaan negara ini mewujudkan kumpulan pekerja mahir.

Bagaimanapun, katanya, cabaran yang dihadapi dalam tahun-tahun sembilan puluhan datangnya dari dalam dan luar negeri dan dalam hubungan ini, Malaysia tidak boleh lagi mengharapkan kelebihan berdasarkan kadar upah yang rendah.

Beliau menambah, keadaan itu terjadi kerana bertambahnya penggunaan teknologi atau jentera untuk menghentikan operasi yang melibatkan penggunaan tenaga buruh yang ramai.

Dengan itu, katanya lagi, tenaga mahir, khususnya kemahiran teknikal yang tinggi akan memainkan peranan penting dalam menentukan kelebihan daya saing di masa akan datang.

Perdana Menteri berkata, dengan adanya tenaga kerja yang mempunyai kemahiran dan kece-

apan yang tinggi, produktiviti akan meningkat dan Malaysia akan terus mempunyai daya saing yang tinggi.

Pada masa yang sama, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, usaha meningkatkan kemahiran teknikal perlu dijalankan secara berterusan di mana sektor swasta perlu tampil untuk menyokong dan menaja pekerja-pekerja mereka menyertai mana-mana pertandingan kemahiran seperti yang diadakan hari ini.

Beliau juga berkata di samping itu, bagi memenuhi permintaan industri yang bertambah, pembangunan sumber manusia perlu dirancang dengan memberi penekanan kepada belia dengan pelbagai kemahiran yang tinggi.

Tambahnya, penggunaan teknologi yang semakin canggih dalam sektor perindustrian memerlukan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran setara dengan penggunaan teknologi moden.

Dalam hubungan ini, kata Perdana Menteri, para pekerja mahir perlu menyedari tanggungjawab mereka ke arah matlamat perindustrian negara.

"Negara kita memerlukan ramai tenaga mahir terutamanya di peringkat kemahiran tinggi di masa hadapan.

"Kemahiran di peringkat tinggi ini menjadi bertambah penting dalam konteks kemasukan pelaburan asing di mana kekurangan tenaga mahir boleh menjejaskan minat pelabur asing untuk menanam modal di Malaysia," tegas Perdana Menteri.

Kerajaan, kata Dato' Sri Dr. Mahathir serius dalam usaha membangunkan tenaga manusia termasuk kemahiran teknikal dan di dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6), kerajaan melalui Kementerian Pendidikan akan menaikkan taraf beberapa buah sekolah vokasional ke taraf politeknik.

Rancangan tersebut, katanya, adalah selaras dengan dasar kerajaan menambah bilangan tenaga mahir.